

24/12/1999

Wakil BN tidak akan dicalon semula: Dr M

Kadir Dikoh; Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Khamis - Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang tidak menghadiri sidang Dewan Rakyat mungkin tidak disenaraikan sebagai calon pada pilihan raya umum akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ada juga ahli Parlimen yang hanya hadir di dalam Dewan semata-mata bagi mendapat elaun tetapi banyak membuang masa di kawasan lobi Parlimen.

"Mereka hadir kerana nama mereka dicatat sebagai hadir. Kalau mereka tak hadir, mereka tak dapat elaun. Jadi, kerana elaun... mereka akan hadir tetapi kadangkala mereka duduk di luar (lobi) kerana mereka boleh mendengar perbincangan dari luar.

"Bulan puasa, mereka tak boleh makan... lepas bulan puasa esok, lagi banyak duduk di luar," katanya mengulas kemerosotan jumlah kehadiran wakil rakyat BN di Parlimen yang dilaporkan baru-baru ini.

Sidang pertama bagi penggal pertama Parlimen ke-10 yang bermula Isnin lalu, berakhir hari ini. Bagaimanapun, kehadiran ahli Parlimen BN semakin merosot pada hari kedua dan ketiga terutama pada sebelah petang.

Sebaliknya, pembangkang yang kini mengisi 45 daripada 193 kerusi Parlimen ternyata kelihatan begitu 'rajin' sepanjang persidangan kali ini, dengan kehadiran hampir penuh oleh kebanyakan wakilnya.

Perdana Menteri berkata, kehadiran wakil rakyat BN itu sedang diawasi supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

"Kemungkinan kita akan ambil ingatan dan kemudian bila ada pilihan raya, kita tak akan pilih orang itu, kita pilih orang lain pula," katanya.

Ditanya bagaimana BN boleh memantau masalah itu, beliau berkata pegawai BN sendiri akan mencatat kehadiran mereka selain kelazimannya dicatat oleh Setiausaha Dewan Rakyat.

"Kita mencatat sendiri selain Setiausaha Parlimen yang mencatat kehadiran ataupun tidak hadir seseorang ahli Parlimen.

"Kita juga akan mengambil nota mengenai berapa lama mereka berada di dalam dewan, sama ada mereka mengambil bahagian dalam perbincangan... sama ada mereka membuat persiapan untuk perbincangan dan sebagainya.

"Ini kita akan lapor balik kepada pengundi mereka," katanya.

Ditanya apakah tindakan lain yang diambil jika mereka tidak hadir di sidang Dewan Rakyat, beliau berkata: "Kita akan timbanglah (tindakan tertentu)... belum ada sesuatu keputusan lagi."

(END)